

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 JANUARI 2014 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Cybersecurity iktiraf 23 syarikat tempatan, antarabangsa	Utusan Malaysia
2	Khasiat herba dukung anak	Harian Metro
3	Hasil penyelidikan 28 tahun	Harian Metro
4	Tap into growing rare earths demand	New Straits Times
5	Jangka jimat RM400j	Harian Metro

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 21 JANUARI 2014 (SELASA)

Cybersecurity iktiraf 23 syarikat tempatan, antarabangsa

KUALA LUMPUR 20 Jan. - Cybersecurity Malaysia, agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengiktiraf 23 syarikat tempatan dan antarabangsa yang mencapai piawaian dalam menjamin keselamatan maklumat, data dan kesahihan perniagaan.

Timbalan menterinya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, penganugerahan itu merupakan salah satu langkah untuk meningkatkan keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh kesemua syarikat berkenaan, khususnya dalam industri teknologi maklumat.

"Dalam dunia digital yang semakin canggih sekarang, jenayah siber seperti kebocoran data, pencerobohan maklumat dan penipuan sering berlaku.

"Dengan adanya pengiktirafan sebegini, pengguna akan lebih yakin terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan sekali gus menaikkan tahap keselamatan siber," katanya dalam majlis penyampaian anugerah akreditasi dan pensijilan di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi



ABU Bakar Mohamad Diah (dua dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Telekom Applied Business dengan Cyber Security Malaysia oleh Azizi A. Hadi (kiri) dan Anuar Alias (tiga dari kanan) pada majlis Penganugerahan Sijil dan Akreditasi Untuk Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat oleh Cyber Security Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Cybersecurity, Jeneral (B) Tan Sri Datuk Seri Panglima Mohd. Azumi Mohamed; Ketua Pegawai Eksekutif

Cybersecurity, Dr. Amirudin Abdul Wahab; Ketua Pengarah Standards Malaysia, Fadilah Baharin dan Ke-

tua Pegawai Eksekutif Telekom Applied Business Sdn. Bhd. (TAB), Anuar Alias.

Tambah Abu Bakar, anugerah tersebut diberikan menerusi tiga kategori iaitu pensijilan Common Criteria, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001 dan Malaysia Trustmark e-bisnes.

"Sijil Common Criteria merupakan perakuan produk-produk teknologi komunikasi maklumat (ICT), manakala ISMS MS ISO/IEC 27001 pula mengiktiraf kualiti sistem pengurusan sesebuah organisasi dan Malaysia Trustmark yang merujuk kepada pengesahan laman web perniagaan," jelasnya.

Sementara itu, satu upacara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Cybersecurity dan TAB turut diadakan bagi mewujudkan pendekatan perniagaan strategik di antara kedua-dua pihak.

Dalam majlis sama, Cybersecurity turut menerima sijil pengiktirafan daripada satu-satunya badan akreditasi negara, Standards Malaysia yang mematuhi MS ISO/IEC 17021:2011 dan MS ISO/IEC 27006:2011 di peringkat antarabangsa.

Khasiat herba dukung anak

Penyelidik MARDI guna tumbuhan untuk ubati penyakit



INOVASI

Oleh Mohd Sabran Md Sani
sab@mediaprima.com.my

Rupa bentuknya seakan rumpai menyebabkan ramai yang tidak ambil kisah tumbuhan herba ini, apatah lagi mudah diperolehi.

Namun, dukung anak adalah tumbuhan herba yang berguna dalam dunia perubatan khususnya merawat penyakit berkaitan buah pinggang dan hati seperti jaundis dan hepatitis.

Ia juga digunakan untuk merawat penyakit batu karang, malaria, asma, kencing manis, gigitan berbisul dan cirit berit.

Herba itu digunakan masyarakat di Afrika untuk memecahkan batu karang.

Kelebihan herba dukung anak ini mendorong penyelidik MARDI untuk melakukan kajian secara mendalam.

Kajian Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan Bioteknologi, Dr Indu Bala Jagannath bermula pada 2009.

Beliau dibantu lima rakan penyelidik seperti Dr Sanimah Simoh, Dr S Shanmugavelu, Prof Dr Sharmala Devi, Dr Mohd Rosly Shaari dan M Chandra devan.

Penyelidikan menggunakan geran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berjumlah RM1.5 juta itu sudah meraih lima anugerah.

Antaranya, pingat emas dalam Pameran Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2013, Pameran Reka Cipta Antarabangsa Seoul (SIIF) 2013 di Seoul (perak), Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2013 (perak), Pameran Sains dan Teknologi MARDI (MSTE) 2012 (perak)

dan perak bagi Anugerah Bio Inno 2013.

Dr Indu berkata, pemilihan dukung anak berikutan penggunaannya mengubahi penyakit hepatitis.

"Kalau digunakan untuk hepatitis bermakna herba ini mengandungi anti virus," katanya.

Menurutnya, bahagian pertama dalam penyelidikan itu ialah bagi mendapatkan formula si herba untuk penyakit denggi.

"Saya bekerjasama dengan pensyarah Universiti Malaya (UM) Dr Sharmala yang juga pakar denggi," katanya.

Katanya, hasil penyelidikan ke atas tikus mendapati dukung anak memiliki ciri anti kolesterol yang baik.

Katanya, ramai keliru dengan empat spesies dukung anak sedangkan setiap satunya mempunyai khasiat berbeza.

"Jika dilihat ia sama tetapi memang berbeza," katanya.

Menurutnya, empat jenis herba itu dikenal pasti dengan melakukan piawaian untuk proses penanaman semula.



DR Indu (dua dari kanan) bersama pingat dimenangi pasukannya.



SAMPEL disimpan.

NORHIDAYAH Mohd Jusoh mengeringkan herba menggunakan alat pengering.



PRODUK kapsul dukung anak.

Proses seterusnya adalah untuk melakukan piawaian tanaman sebelum disusuli aktiviti pengekstrakan.

"Ia bagi melihat profil kimia dan jenis bahan aktif yang terdapat dalam setiap spesies.

"Kita juga mahu melihat daripada keempat-empat spesies itu yang manakah mempunyai kompaun bioaktif paling baik," katanya.

Katanya, spesies *Phyllanthus watsonii* adalah yang terbaik dikalangan tiga dukung anak yang lain.

"Kami sudah melakukan ujian makmal dan mendapati kompaun bioaktifnya (*Phyllanthus watsonii*) sangat bermanfaat untuk kesihatan," katanya.

Dr Indu juga melakukan penyelidikan untuk mengenalpasti aktiviti anti kolesterol.

"Ujian terhadap tikus yang mempunyai paras kolesterol tinggi mendapati apabila diberi ekstrak herba, paras kolesterol turun selepas beberapa minggu," katanya.

Malah katanya, penggunaan bahan seperti lipidol boleh meningkatkan paras enzim, selain memberikan kesan negatif kepada kesihatan.

Katanya, beberapa syarikat sudah menunjukkan minat mendapatkan teknologi itu, antaranya Furley Bioextract.

"Furley Bioextract menghasilkan beberapa produk minuman berfungsi, penyembur tekak (throat spray), nutraseutikal dan biskut fiber.

"Semua produk ini mengurangkan dan mengelak risiko kolesterol dan agen anti-viral," katanya.

HASIL penyelidikan 28 TAHUN

Ekstrak haruan membantu memulihkan daya ingatan dan memperbaiki sel rosak akibat pengambilan dadah



DR Abdul Manan bersama produk ciptaannya.



"Penyelidikan di Hospital Royal Perth, Australia Barat dan di National University Hospital, Singapura mendapati ekstrak haruan mempercepatkan pembekuan darah"

Dr Abdul Manan

drama minggu ini mengisahkan kematian seorang wanita yang meninggal dunia selepas menjalani pembedahan melahirkan anak," katanya. Kedua-dua pengalaman itu memberi impak cukup besar bagi melakukan penyelidikan ikan haruan.

"Tumpuan awal penyelidikan ialah manfaat ikan haruan bagi menyembuhkan luka luaran dan dalaman untuk membantu wanita yang baru bersalin," katanya.

bagi membantu penyembuhan luka dalaman dan luaran. "Kebetulan pada malam berkenaan, saya menonton

Jals, tonik dihasilkan itu tidak seperti disangka.

Soda yang ditambah dalam minuman itu menjadikan ia minuman berkhasiat untuk semua lapisan umur.

Sekali gus ia mengubah persepsi orang ramai ikan haruan bukan saja boleh dinikmati dalam bentuk sup sebaliknya diinovasikan dalam cara kreatif.

Bagi Dr Abdul Manan, beliau mempunyai sebab mencipta minuman itu. Penyelidikan terhadap ikan haruan bukan setahun dua, sebaliknya menjangkau 28 tahun.

Ketika pertama kali bertemu, di mejanya tersusun enam produk inovasi bersumberkan ikan haruan.

Produk penyelidikan yang membabitkan dana

berjumlah RM3 juta menghasilkan krim haruan, gel mandian herba, kapsul dan tonik.

Kesungguhannya mendapat pengiktirafan apabila menerima pingat emas kategori Kreatif dan Inovatif sempena pameran teknologi BioMalaysia 2013 di Johor Bharu, pingat gangsa dalam pertandingan inovasi anjuran Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC) bagi krim haruan pada 1996.

Dr Abdul Manan juga dianugerahkan sijil 'Most Original Research' berdasarkan kerjasama dijalinan dengan National University Hospital, Singapura pada 1998.


Penyelidikan terhadap ikan haruan bermula pada 1985 ketika bertugas sebagai pensyarah di Universiti

Kebangsaan Malaysia (UKM) kampus Kota Kinabalu, Sabah.

"Universiti mengarahkan pensyarah melakukan penyelidikan, justeru saya memilih ikan haruan.

"Pemilihan itu juga berlaku secara spontan ketika mengiringi isterinya menjalani prosedur pembedahan bagi melahirkan anak sulung mereka secara 'caesarian' pada 19 Februari 1984," katanya.

Katanya, ramai menasihati supaya memberikan isteri makan ikan haruan



FOKUS

Balang kaca mengandungi cecair gelap dipamerkan sempena Ekspo Pertanian Konvokesyen UPM di Bukit Ekspo, Taman Pertanian Universiti, Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini cukup unik.

Tidak seperti minuman biasa, air yang disajikan dalam bentuk sejuk itu adalah sejenis tonik daripada ikan haruan.

Sifat semula jadi ikan haruan atau nama saintifiknya *Channa striatus* yang berlandir dan hanyir membuatkan penulis menganggap ia minuman pelik.

Bagi penyelidik UPM, Prof Dr Abdul Manan Mat

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (AGRO) : MUKA SURAT V2
TARIKH : 21 JANUARI 2014 (SELASA)



BEBERAPA organ dalaman iaitu ginjal dan hati digunakan sebagai bahan kajian latar belakang.



IKAN haruan liar.




FILET ikan haruan yang digunakan untuk kajian.



KOPi ikan haruan.



TONIK dan krim haruan untuk penyembuhan luka dan ulser.



BAHAGIAN isi ikan yang diambil untuk penyelidikan.

Bellau mendapat dana penyelidikan UKM selain Yayasan Sains Antarabangsa (International Foundation for Sciences) di Sweden.

Menurutnya, ramai tahu ikan haruan adalah produk semula jadi dan ubat untuk penyembuhan luka, tetapi identiti ikan haruan tidak banyak diketahui terutama di Malaysia.

Dr Abdul Manan kemudian melakukan kajian pengenalan diri spesies berkenaan secara morfologi, genetik dan ekologi.

"Hasil kajian, kami mendapat data apa maknanya ikan haruan, tinggal di mana dan boleh dapat di mana," katanya.

Bellau mengklasifikasi penyelidikan itu sebagai 'pencarian ubat' berasaskan kepada sumber

asli ikan haruan.

"Saya cuba mendapatkan zarah daripada haruan kepada saiz terkecil iaitu zarah nano dan penyelidikan itu adalah pencarian ubat berasaskan ilmu etnofarmakologi," katanya.

Bellau kini di peringkat menghasilkan prototail untuk dikomersial sebagai produk 'over the counter' (OTC) dan beberapa sampel terpilih iaitu krim dan tonik untuk ujian klinikal.

"Setakat ini kami tidak menjual kepada sesiapa kecuali mereka yang berminat."

"Krim haruan dikehendaki kepada pesakit kulit ekzema, psoriasis dan ruam di kalangan kanak-kanak dan dewasa selain mereka yang menghidap penyakit arthritis dan sendi," katanya.

Tonik ikan haruan juga berkesan menyembuhkan ulser mulut di kalangan pesakit kanser yang menjalani rawatan kemoterapi.

"Kami juga memformulasi tonik untuk membantu mereka yang menghidap kesan jangka panjang bakteria yang menyebabkan peradangan kronik pada lapisan dalam usus dan perut manusia," katanya.

Mereka akan melakukan ujian klinikal di beberapa hospital di negara ini dan luar negara tahun ini bagi menjadikan ia produk global," katanya.

Produk berstatus OTC itu sudah didaftarkan dan menunggu kelulusan Kementerian Kesihatan.

Mengulas lanjut mengenai penyelidikan itu, katanya ia menggunakan dalam haiwan (In Vivo) dan

secara makmal (In Vitro).

"Sebab itu kita mesti melakukan ujian klinikal untuk memastikan apa yang berlaku pada haiwan juga berlaku pada manusia, selain tidak memberi kesan sampingan," katanya.

Penyelidikan itu mendapati ikan haruan mempunyai sifat antiradang, penahan sakit, antibakteria dan penyembuhan luka.

"Kita juga mahu membuktikan ekstrak haruan menyembuhkan tisu, memperbaiki kerosakan, pertumbuhan dan perlindungan."

"Kita dapati ekstrak haruan membantu memulihkan daya ingatan (kognitif) dan memperbaiki sel-sel rosak akibat pengambilan dadah."

"Ekstrak itu menyembuhkan, memulihkan, menahan sakit dan memperbaiki

morfologi sel untuk pulih semula," katanya.

Katanya, terdapat dua bahagian ikan haruan yang baik untuk kesihatan iaitu daging dan lendir (mukus).

Meskipun sedar lendir ikan itu mempunyai banyak khasiat, berdasarkan ujian makmal mendapati ia memberi kesan yang sama.

"Cuma, untuk menghasilkan lendir ikan haruan ia lebih mahal berbanding daging," katanya.

Hasil penyelidikan mendapati pengambilan tonik itu memberi kesan segera kepada pesakit iaitu menahan sakit, ketidakselesaan dan sumber tenaga.

"Penyelidikan di Hospital Royal Perth, Australia Barat dan di National University Hospital, Singapura mendapati ekstrak haruan mempercepatkan pembe-

kuan darah," katanya.


Bellau juga berhasrat menghasilkan minuman kesihatan mengandungi ekstrak ikan haruan kepada pesakit denggi.

Mengenal usaha mendapatkan bekalan ikan haruan liar katanya, ia diperolehi secara semula jadi di Kedah, Perak, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan termasuk Sabah dan Sarawak.

"Kita boleh tahu ikan dibekalkan itu diternak atau liar berdasarkan rupa bentuknya. Ikan haruan liar lebih cerah, selain mempunyai garisan pada tubuhnya," katanya.

Sebarang pertanyaan mengenai produk OTC boleh dihubungi melalui laman web www.haruan.net atau e-mel ammatjais@yahoo.com.

KERATAN AKHBAR
NEWS STRAITS TIMES (COMMENTS) : MUKA SURAT 14 & 17
TARIKH: 21 JANUARI 2014 (SELASA)



The concentrate loading and gas treatment facility at the Lynas manufacturing plant in Kuantan, Pahang.

Tap into growing rare earths demand

ATTRACTIVE INVESTMENT:

We need to develop a proper blueprint to build up this emerging global business

THE political heat on rare earths has cooled down considerably. Malaysians are now less taken in by those opposed to Lynas. Many have realised that the claim that rare earths pose dangers are ill founded.

The Academy of Sciences Malaysia (ASM) had a part to play in educating the public about the real science of rare earths. The initiatives have to some extent allayed the fears among the general public.

With the 13th General Election over, the earlier interest to capitalise on the rare earths issues for political advantage has died down. What is then the next step forward for the country in the rare earths business?

If one were to examine the global landscape of emerging new businesses, there is evidence on the growing

world demand for rare earths. The major demand is for making powerful magnets and other energy saving products.

Scientists have shown that by incorporating rare earths in magnet recipes, the power increases. And super magnets are needed in many strategic applications. A lot of military hardware utilises rare earths. This is the reason why many military powers, especially the United States, have expressed concern over the fact that the world supply of rare earths is being controlled by one country, China.

What started the global rare earths fever was the decision by China to impose strict export control of their rare earths supply. Only an agreed percentage of their supply can be exported.

Japan, a major user of rare earths, was rattled by that decision. In Japan, rare earths are critical materials for the manufacture of super magnets. Use in wind turbines has increased a lot in recent years as man seeks to phase out fossil fuels.

The matter is even more critical for Japan since it is now completely de-

pendent on imports for its energy needs after the shutdown of the country's nuclear reactors. This is exacerbated by the fact that its reliance on nuclear energy now faces severe rejection by the Japanese public after Fukushima.

Countries in the European Union are under similar pressures. Germany,

for example, faces strong public opposition over nuclear energy. Wind energy is one option which Germany has interest in. But rare earths also command strong world demand in many other green products. In short, the world demand for rare earths is on the rise.

Malaysia, as we are all aware, has already made that strategic decision to allow Lynas to put up their

operations in the country. The Lynas type of operation is just one small part of the rare earths value chain. There are other higher value business opportunities downstream. It would be foolish if we limited the country's rare earths involvement to just Lynas. We need to strategise beyond just the production of rare earths compounds as in the case of Lynas.

→ Turn to Page 17



Dr Ahmad Ibrahim
Fellow, Academy of Sciences Malaysia

Our rare earths deposits fetch a higher price

→ From Page 14

Furthermore, experts have suggested that we do have decent deposits of rare earths yet to be mined. The interesting part is that the rare earths deposits in the country are mainly the heavy rare earths which command a higher price.

We need to develop a proper blueprint to build this new emerging global business which we do have

some comparative advantages.

ASM, through its partners from the mining fraternity, has been working on a rare earths' industry blueprint. It is now being finalised. Essentially, the blueprint would first attract investments, both local and foreign, to set up their downstream rare earths business in Malaysia.

But then again, such investments would not come just on account of Lynas being here. We need to re-ex-

amine reviving the country's mining sector to venture into producing the heavy rare earths for the downstream manufacturers. But many agree an important aspect of the blueprint is to have a technology driver. There are many technology areas in rare earths which call for improvements. These include the processing of the rare earths itself, especially the separation technology.

Technologies are also needed to reduce the volume of wastes. Not to mention to research on new applications. In addition, there is now a lot of interest to reclaim the rare earths present in the environmentally damaging disposed electronic wastes. Appropriately called urban mining, the interest in such business is also gathering momentum. We need to tap into such new businesses.

Jangka **jimat** RM400j

■ 11 langkah perbelanjaan berhemat diumumkan Perdana Menteri bakal beri kesan

Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@mediaprima.com.my
Putrajaya

Kerajaan dijangka dapat menjimatkan RM400 juta tahun ini melalui 11 langkah perbelanjaan berhemat sektor perkhidmatan awam yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, sebelum ini.

Berikutan itu, Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Dr Ali Hamsa (*gambar*) berkata, beberapa langkah lain akan dikaji dari semasa ke semasa bersama Kemen-

terian Kewangan serta agensi lain sebelum ia dibawa kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN).

Pada masa sama, katanya, cadangan dan langkah yang akan dikaji itu semestinya tidak akan memberi kesan negatif terhadap kebajikan penjawat awam di negara ini.

"Berdasarkan kepada kedudukan kewangan, tidak ada satu pun daripada 11 langkah berkenaan menyentuh mengenai kumpulan pelaksana dalam perkhidmatan awam.

"Sedia maklum, kumpulan pelaksana adalah majoriti dalam perkhidmatan awam dan tiada sebarang potongan atau kesan negatif yang mereka rasai daripada langkah jimat cermat dilaksanakan kerajaan," katanya pada sidang media selepas Majlis Amanat KSN 2014 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setia-



usaha Perbendaharaan Tan Sri Dr Mohd Irwan Siregar Abdullah dan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) Azih Muda.

Terdahulu, Ali menghadiri sesi soal jawab bersama penjawat awam serta melancarkan buku 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam' yang memperjelas prinsip dan nilai yang digariskan di bawah usaha merakyatkan perkhidmatan awam.

Ali berkata, kerajaan sangat prihatin dengan kebajikan penjawat awam yang

dibuktikan melalui pelancaran Projek Perumahan Awam 1Malaysia (PPA1M) yang dilancarkan pada tahun lalu.

"Melalui projek ini, perumahan yang ditawarkan antara RM150,000 dan RM300,000 di Putrajaya, namun atas desakan dan permintaan kumpulan pelaksana, kita memperkenalkan unit baru berharga RM90,000 di Putrajaya.

"Ini berikutan ramai yang tidak layak mendapat pinjaman perumahan dalam lingkungan ditawarkan. Justeru, golongan pelaksana di Putrajaya akan turut menikmati kemudahan perumahan di bawah PPA1M," katanya.

Katanya, projek berkenaan akan membabitkan 100,000 unit rumah dalam tempoh lima tahun bermula tahun lalu.

Selain itu, beliau berkata, langkah lain turut dilaksanakan kerajaan bagi membantu penjawat awam khususnya kumpulan pelaksana membabitkan Gred 41 ke bawah ialah pembayaran untuk kerja melebihi masa yang dilakukan.

FAKTA
Unit baru rumah PPA1M berharga RM90,000 diperkenalkan di Putrajaya